



JABATAN SIASATAN JENAYAH POLIS DIRAJA MALAYSIA

TEKS UCAPAN ALUAN

**YDH KOMISIONER POLIS
DATO' SRI ABD JALIL BIN HASSAN
PENGARAH JABATAN SIASATAN JENAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS KONVOKESYEN KE - 22
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**

**TARIKH : 09 DECEMBER 2021 (KHAMIS)
MASA : 8.00 PAGI
TEMPAT : POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia**

**Yang Berusaha
Saudari Pengacara Majlis**

Yang Berusaha

Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail

Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Yang Berusaha

Technologies Roseman bin Mat Jidin

Timbalan Pengarah Akademik

Yang Berusaha

Technologies Dr. Hj. Ahmad Aftas bin Azman

Timbalan Pengarah Sokongan Akademik

Ahli-ahli Mesyuarat Pengurusan, para pensyarah dan kakitangan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Yang diraikan

- Para ibu bapa yang dikasihi
- Barisan graduan pemimpin masa hadapan
- Serta hadirin dan hadirat yang dimuliakan.

Terlebih dahulu saya merafakkan rasa syukur kerana diberi keizinan oleh-Nya untuk bersama-sama meraikan para graduan dalam Majlis Konvokesyen Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) kali ke-22. Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan sekalung tahniah dan syabas kepada **2,818 graduan** yang akan menerima ijazah sarjana muda, diploma dan sijil penganugerahan masing-masing. Tahniah kerana berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang serta cekal mengharungi tekanan dan cabaran di sepanjang pengajian.

Tahniah juga diucapkan kepada ibu bapa dan ahli keluarga yang turut sama meraikan majlis konvokesyen yang sangat bermakna buat para graduan sekalian. Pengorbanan tuan / puan selama ini terbalas dengan kejayaan para graduan pada hari ini. Tidak lupa juga ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada pensyarah yang tidak pernah mengenal erti penat dan jemu dalam mencurahkan ilmu. Tahniah!!! Usaha yang diberikan amat bermakna buat negara dalam melahirkan modal insan yang berkualiti.

**Hadirin-Hadirat dan para graduan yang dikasihi
sekalian,**

Hasil laporan *Future of Jobs Survey, World Economic Forum (WEF) 2020*, mendapati bahawa terdapat perubahan dalam permintaan pekerjaan akibat perkembangan teknologi. Dapatan tersebut menunjukkan pekerjaan terbaharu bakal mengambil alih pasaran kerja dunia seperti robotik, *Artificial Intelligence (AI)*, saintis data raya dan transformasi digital yang akan menggantikan pekerjaan semasa seperti kerani kemasukan data, setiausaha eksekutif, akauntan dan juruaudit.

Sehubungan itu, untuk melahirkan “graduan kalis masa hadapan”, bakal graduan perlu diterapkan dengan kemahiran elemen 4C iaitu ***Critical Thinking & Problem Solving, Communication, Collaboration*** dan ***Creativity*** berdasarkan WEF, 2018 dalam menghadapi cabaran Revolusi Perindustrian ke-4 (4IR). Di samping itu, graduan juga memerlukan kemahiran lain seperti kepimpinan, keusahawanan, kerja berpasukan, pembelajaran berterusan, pengurusan maklumat serta etika dan moral profesional.

Hadirin-Hadirat dan para graduan sekalian,

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada ***Centre for Medical Electronics Technology (CMET) PSA*** yang telah mendapat pengiktirafan **MS ISO/IEC 17025:2017** daripada Jabatan Standard Malaysia untuk penawaran khidmat kepakaran penentukuran (*calibration*) peralatan pengujian biomedikal yang kompeten dan bermutu di Asia. Semoga pusat ini akan terus berkembang sebagai pusat penyelidikan dan latihan dalam bidang teknologi perubatan yang terkemuka di dalam dan juga di luar negara.

Pada pandangan saya, PSA juga amat komited dalam melahirkan graduan Tahfiz TVET melalui Program Technohuffaz. Program technohuffaz yang memberi peluang kepada pelajar politeknik untuk mengikuti Program Huffaz diharap akan melahirkan graduan TVET yang global dan holistik seterusnya membina masyarakat yang **multi-tasking** dan **multi-skilling** dalam mendepani cabaran global.

Tahniah saya ucapkan kepada PSA kerana telah berjaya melahirkan graduan sulung Techno Huffaz Politeknik Malaysia sekali gus dianugerahkan dua sijil iaitu Diploma Pengajian Perniagaan dan Sijil Tahfiz Malaysia dari Darul Quran JAKIM. Harapan saya, program ini akan dapat diperluaskan ke institusi TVET yang lain sekali gus melahirkan lebih ramai **“teknokrat huffaz”** di negara ini.

Syabas dan tahniah sekali lagi kepada PSA kerana telah diiktiraf sebagai Pusat Bertauliah oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dengan peruntukan dana sebanyak RM2.2 juta. Pusat ini berperanan meningkatkan kemahiran dan kepakaran graduan sekali gus meyumbang kepada peningkatan kebolehpasaran. Saya menyeru agar semua graduan untuk mengambil peluang menyertai program di bawah Pusat Bertauliah ini.

Terbaharu, PSA berjaya mengekalkan kadar kebolehpasaran graduan yang tinggi iaitu 97.8% pada tahun 2021. Kadar ini sangat membanggakan terutamanya ketika kita masih bergelut dengan situasi yang sangat mencabar akibat pandemik Covid-19. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

Para graduan yang dikasihi sekalian

Institut Pengajian Tinggi (IPT) masa kini menghadapi pelbagai cabaran kompleks seiring dengan peningkatan kesedaran tentang kepentingan pendidikan tinggi. Hanya dengan membaca media cetak dan elektronik, kita dapat membayangkan bagaimana perhatian ini diletakkan kepada pihak IPT dari segi kesungguhan dan keberkesanan melahirkan graduan yang berkualiti, berkeelayakan dari semua segi dan menunjukkan tingkah laku berakhlak seorang warga yang bertanggungjawab.

Salah laku dan kepincangan akhlak mahasiswa di peringkat pengajian tinggi telah banyak dilaporkan dalam media massa terutama media cetak. Kesalahan khalwat, bersekedudukan, dan menjual maruah adalah sebahagian daripada salah laku yang pernah dilaporkan oleh pelajar IPT.

Para hadirin yang saya muliakan,

Setiap institusi pengajian tinggi mempunyai definisi tersendiri mengenai salah laku. Bagaimanapun, berdasarkan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU, 1971), beberapa tingkah laku tertentu turut dimuatkan dalam AUKU seperti dalam

- kaedah15: Judi dalam kampus,
- kaedah 16: mabuk,
- kaedah17: bahan-bahan lucah, dan
- kaedah 18:dadah dan racun

Secara umumnya, salah laku boleh dibahagikan kepada dua jenis:-

- **Salah laku akademik (*Academic Misconduct*), yang bermaksud pelanggaran peraturan yang membabitkan integriti, polisi, dan prosedur akademik.**
- **Salah laku bukan akademik, ialah pelanggaran peraturan yang boleh mengancam kesihatan, keselamatan, dan harta warga IPT.**

Para graduan yang dikasihi sekalian,

Suka saya maklumkan bahawa golongan pelajar adalah antara paling ramai menjadi alat sindiket penipuan komersil. Sebagai contoh para pelajar membenarkan nama mereka digunakan untuk membuka akaun bank bagi tujuan penipuan seperti “*Macau Scam*”. Para pelajar yang bersetuju akan diberikan RM2,500 setelah membuka akaun bank dan menyerahkan kad mesin juruwang automatik (ATM) kepada ejen sindiket.

Ini adalah satu kesalahan besar apabila membenarkan pihak lain menggunakan akaun sendiri dan boleh didakwa jika didapati bersalah kerana bersubahat.

Saya berpesan agar para graduan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, tidak mudah terpedaya dengan modus operandi dan tawaran lumayan yang hanya bersifat sementara tersebut. Pihak polis tidak akan berkompromi kepada sesiapa sahaja yang melakukan kesalahan atau bersubahat dengan penjenayah. Jadilah seorang graduan yang bertanggungjawab dan buktilah kepada pihak Politeknik bahawa saudara-saudari sekalian merupakan Produk terbaik Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Sebelum saya mengakhiri. Ucapan ini, saya mendoakan semoga saudara dan saudari sekalian akan terus berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi selepas ini. Ingatlah, jadilah seorang insan yang bertanggungjawab dan dapat membanggakan kedua ibubapa yang tercinta.

Saya sudah ucapkan ini dengan

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima Kasih